

Pelajar ada lesen duta kecil keselamatan di sekolah

Archival News | Harian Metro | 11/05/2019 | A-All

Kuala Lumpur: Pelajar sekolah yang memiliki lesen kenderaan boleh menjadiduta kecil keselamatan jalan raya di sekolah untuk membantu meningkatkan kesedaran dalam kalangan rakan sebaya.

Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Kebajikan Wilayahku Ceria, Datuk Mohamad Sazali Kamilan berkata, usaha itu walaupun mungkin dianggap kecil, ia memberi impak yang besar selain peranan keluarga, kerajaan dan komuniti setempat.

"Seperti di Parlimen Lembah Pantai yang mempunyai tujuh sekolah menengah kebangsaan (SMK) dengan jumlah 5,015 pelajar, tetapi hanya 70 daripadanya mempunyai lesen motosikal.

"Tapi dari apa yang dapat kita lihat, ramai yang menunggang motosikal dan selebihnya mungkin mereka tidak mempunyai lesen," katanya.

Beliau berkata demikian selepas pelancaran Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya, Sifar Kemalangan myCommunity@Jaga-jaga di SMK Bukit Bandaraya (SMKBB), Jalan Maarof di sini kelmarin. Hadir sama, pengetua A Selva Kumar.

Pada kempen itu, seramai 10 pelajar SMKBB yang memiliki lesen motosikal menerima sumbangan topi keledar dan jaket pantulan cahaya.

(END)

Source By: Harian Metro